

TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSOLOR

MAJLIS PERASMIAN PENUTUP SAMBUTAN MINGGU ALAM
SEKITAR MALAYSIA PERINGKAT NEGERI MELAKA

Pada 22 November 2014 (Sabtu), 11.00 pagi

Kompleks Sukan UTeM

Bismillah hirrahman nirrahim

Terima kasih kepada pengacara majlis

Yang Berhormat Encik Md Rawi Bin Mahmud

Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi,
Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka

Yang Berbahagia Tuan Haji Abd Hapiz Bin A. Samad

Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka

Yang Berbahagia En Wan Yusof Bin Wan Karim

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Melaka

Timbalan-Timbalan Naib Canselor UTeM

Penolong-Penolong Naib Canselor UTeM

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Wakil-wakil Institusi Pengajian Tinggi Negeri Melaka

Rakan Media, Ahli-Ahli Rakan Alam Sekitar, Pelajar-pelajar IPT dan sekolah,

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
Salah Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 752 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

- 1) Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan kurnia dan izin-Nya dapatlah kita sama-sama berhimpun dan bertemu dalam Majlis Perasmian Penutup Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia Peringkat Negeri Melaka tahun 2014.
- 2) Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Yang Berhormat Encik Md Rawi Bin Mahmud, Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka**

kerana sudi meluangkan masa untuk bersama dalam Majlis pada pagi yang indah ini.

- 3) Untuk makluman semua, hasil daripada pemeteraian MoU antara UTeM dengan pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 5 Jun 2013, kerjasama erat telah terbentuk antara kedua-dua belah pihak yang boleh dilihat menerusi penganjuran program-program berbentuk kesedaran alam sekitar bagi mewujudkan persekitaran lestari, khususnya di Kampus UTeM. Di sini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka kerana memberikan kerjasama yang cukup baik dalam memastikan kejayaan pelaksanaan sambutan minggu alam sekitar ini.

- 4) Saya juga ingin mengucapkan penghargaan, tahniah dan terima kasih kepada Pengarah Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar UTeM,

Prof Madya Juhari Bin Ab Razak, bersama semua ahli Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja, agensi-agensi, pertubuhan-pertubuhan, syarikat swasta dan semua pihak yang turut terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung memberikan kerjasama padu dalam program ini.

Hadirin hadirat yang hormati sekalian,

- 5) Penganjuran Program Minggu Alam Sekitar Malaysia peringkat Negeri Melaka pada tahun 2014 adalah lanjutan daripada Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia Peringkat Kebangsaan yang telah dirasmikan pada 1 November 2014 di Tasik Darul Aman, Alor Setar, Kedah.

- 6) Program yang diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dikalangan warga UTeM dan komuniti IPT di Negeri Melaka dalam menerapkan gaya hidup sihat dan lestari demi kesejahteraan sejagat. Hasrat ini adalah selaras dengan tema sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia pada tahun ini iaitu **“Ya! Teruskan Gaya Hidup Lestari.”**

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

- 7) UTeM telah mengenal pasti bidang Kelestarian Teknologi Pembuatan atau Sustainable Manufacturing Technology (SMT) sebagai bidang utama penyelidikan universiti. Bagi mencapai hasrat ini, Universiti telah menggariskan 4 bidang fokus yang akan menyokong kepada kejayaan SMT iaitu Kejuruteraan Sistem, Interaksi Teknologi dan Manusia, Teknologi Mendatang dan Teknologi Hijau.

- 8) Bagi bidang teknologi hijau, elemen-elemen seperti Rapid Manufacturing Technology, Green Material, Green Manufacturing dan Lean Manufacturing telah disenaraikan sebagai elemen penting bagi menyokong hasrat universiti dalam merealisasikan kejayaan bidang Teknologi Hijau seterusnya kejayaan bidang utama penyelidikan iaitu Kelestarian Teknologi Pembuatan. Bidang utama ini juga turut menyokong kepada bidang nic MTUN iaitu Sustainable Materials and Green Technology.
- 9) Di samping itu, UTeM turut berperanan penting dalam merealisasikan agenda dan hasrat Kerajaan Negeri Melaka mencapai status bandar Teknologi Hijau menjelang 2020. Ini dapat dilihat melalui sumbangan UTeM sama ada secara langsung atau tidak langsung menerusi

program Hari Kitar Semula, Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Melaka dan Pengumpulan Minyak Masak Terpakai.

Hadirin yang dihormati sekalian,

- 10) Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia peringkat Negeri Melaka telah diadakan dengan begitu meriah, penuh dengan pengisian dan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat, antaranya, Pertandingan Fotografi di atas talian, Kuiz Alam Sekitar di atas talian, Debat Alam Sekitar peringkat IPT Negeri Melaka, Pengumpulan Minyak Masak Terpakai di ketiga-tiga kampus UTeM, Program Kesihatan, Program Penanaman Pokok sehingga 999 pokok oleh ahli Rakan Alam Sekitar (RAS UTeM) dan Program Pembersihan Pantai oleh ahli RAS UTeM juga dibantu dengan kerjasama oleh JAS serta pihak SWM.

- 11) Pada hari ini juga pelbagai aktiviti turut diadakan seperti **enviro-hunt** dan ceramah berkenaan kampus lestari. Saya berharap dengan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ini dapat menyuntik semangat cintakan alam sekitar seterusnya menjadikan UTeM salah sebuah IPT yang lestari.

- 12) Akhir kata saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih atas kerjasama padu yang diberikan oleh semua pihak terutama atas sokongan daripada **Yang Berhormat Encik Md Rawi Bin Mahmud, Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka** bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) Peringkat Negeri Melaka tahun 2014 pada kali ini.

Bunga selasih di petik nyonya
Lalu diikat di dalam perahu
Persekitaran bersih banyak faedahnya
Badan sihat ceria selalu

Memancing ikan di Sungai Jugra
Enak sekali dimasak gulai,
Manusia prihatin bumi terpelihara,
Persekitaran indah tidak ternilai.

Sekian, saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.